

11 SEP 2003

DR MAHATHIR AKAN MERASMIKAN PERSIDANGAN AKADEMI SAINS ISLAM

KUCHING, 11 Sept (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dijangka merasmikan Persidangan Akademi Sains Islam (IAS) Ke-13 yang akan diadakan di sini selama empat hari bermula 29 September ini.

Menurut kenyataan Jabatan Penerangan Sarawak di sini hari ini, lebih 350 peserta yang terdiri daripada saintis, professor universiti dan presiden institusi sains yang ternama dari Jordan, Algeria, Azerbaijan, Bangladesh, Bosnia, Mesir, Perancis, India, Indonesia, Iran dan Iraq telah mengesahkan penyertaan mereka.

Peserta dari Itali, Maghribi, Pakistan, Qatar, Rusia, Arab-Saudi, Afrika Selatan, Senegal, Sudan, Tatarstan, Tunisia, Turki, Uzbekistan, Australia, Jerman, Iceland, Jepun dan Amerika Syarikat dijangka juga menghadiri persidangan itu.

Sebanyak 30 kertas-kerja akan dibentangkan yang menumpukan topik berkaitan dengan sains seperti dadah, tenaga angin, tenaga mampan, kegunaan tenaga biomass, tenaga nuklear, kuasa nuklear, alam sekitar dan minyak.

Persidangan itu bertemakan "Tenaga Untuk Pembangunna Mampan: Sains untuk Masa Depan Dunia Islam dan Kemanusiaan."

--BERNAMA

RDY BK